

WILAYAH **KU**

BIL 29 26 JULAI - 1 OGOS 2019

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

mediawargakota



BUNGA semusim mempunyai potensi besar untuk dieksport biji benihnya ke luar negara.



Teroka industri benih bunga

Kajian dilakukan untuk atasi kenaikan kos import

NEGARA ini terpaksa berbelanja berjuta-juta ringgit setiap tahun bagi mengimport biji benih bunga semusim. Sedangkan bunga terbabit antaranya bunga balung ayam (celosia), bunga ati-ati (coleus blumei) dan bunga tahi ayam (marigold) berasal dari Malaysia.

Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Rotina Mohd. Daik berkata, kini pihaknya komited untuk mewujudkan dan menerajui in-

dustri pengeluaran biji benih bunga bagi mengurangkan kos import bahan terbabit.

"Bagi industri ini, kita akan fokus kepada penyelidikan supaya dapat menghasilkan biji benih yang tahan lama. Maksudnya biji benih yang dapat mengeluarkan bunga yang tahan lebih lama kerana bunga yang ada sekarang bertahan selama tiga bulan sahaja," katanya.

LAPORAN PENUH DI MUKA 2

PAMERAN AUGMENTED REALITY
PAVILION ANTARABANGSA

FESTIVAL KANAK-KANAK
PESTA LELONG BUKU

JUALAN/DEMO KRAF
KARNIVAL FOOD TRUCK

KONSERT

ALUNAN AZAN BERLAINAN MAKAM
PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN PELBAGAI NEGARA

25-28 JULAI 2019
10:00 AM - 4:00 PM
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA MALAYSIA

piiacuf
PUTRAJAYA INTERNATIONAL ISLAMIC ARTS & CULTURE FESTIVAL

KEINDAHAN SENI & MUZIK VOKAL DUNIA ISLAM
"THE BEAUTY OF MUSIC & VOICES OF THE ISLAMIC WORLD"

DIANJUR OLEH
DISOKONG OLEH

#piiacuf2019

Usaha Jabatan Landskap Negara atasi kenaikan harga kos import

Wujudkan industri biji benih bunga

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com
Foto **NAZIRUL ROSELAN**

KUALA LUMPUR – Jabatan Landskap Negara komited untuk mewujudkan dan menerajui industri pengeluaran biji benih bunga bagi mengurangkan kos import khususnya jenis bunga semusim dari negara luar.

Ketua Pengarahnya, Rotina Mohd. Daik berkata, perkara itu merupakan antara fokus utama jabatannya berikutan kos untuk membeli biji benih bunga semusim semakin meningkat.

Jelas beliau, pada masa sama, bunga yang dihasilkan itu tidak bertahan lama dan ia menyebabkan kerajaan perlu sentiasa menggantikannya bagi mengekalkan keindahan landskap negara.

"Bagi industri ini, kita akan fokus kepada penyelidikan supaya dapat menghasilkan biji benih yang tahan lama.



ROTINA menunjukkan antara jenis pokok bunga yang akan dikaji untuk penghasilan biji benih.

Maksudnya biji benih yang dapat mengeluarkan bunga yang tahan lebih lama kerana bunga yang ada sekarang bertahan selama tiga bulan sahaja.

"Kalau boleh jangka hayat bunga itu lebih panjang dan lebih ekonomik kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pihak-pihak lain yang menggunakannya,"

katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Mengulas tentang potensi industri tersebut, Rotina memberitahu, ia boleh dimajukan di negara ini terutama benih yang melibatkan bidang landskap seperti bunga celosia, begonia dan salvia.

Ini kerana, ujar beliau, Malaysia merupakan ne-

gara beriklim tropika dan mempunyai suhu yang bersesuaian untuk industri biji benih malah kebanyakan pokok landskap seperti bunga renek memang berasal dari kawasan perkampungan di sini.

Tambah beliau, bagi merealisasikan, kerajaan khususnya PBT perlu memainkan peranan utama iaitu menjadikan kawasan bandar sebagai contoh sehingga menjadi ikutan negara luar.

Rotina memberitahu, kajian industri benih bunga akan dijalankan oleh pihak Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) dan agensi itu sedang menunggu peruntukan sewajarnya bagi membolehkan proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) dilakukan dengan sempurna.

"Kajian lebih menjurus kepada ketahanan bunga, pendebungaan dan sebagainya," katanya.

Kon berlampu DBKL menang KIK Wilayah Tengah

KUALA LUMPUR – Tiga kumpulan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berjaya merangkul tiga pingat emas dalam Pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) Peringkat Wilayah Tengah baru-baru ini.

Kesemua mereka daripada Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia dan Jabatan Kawalan Bangunan dinobatkan sebagai juara selepas berjaya menghasilkan alat inovasi yang membantu kerja manusia.

Penolong Pegawai Penguatkuasa, Ketua Inspektor Suhaim Mohamad Ali berkata, kemenangan tersebut diperoleh selepas jabatannya berjaya menghasilkan kon berlampu yang dinamakan 'Smart Enforcement Cone'.

"Kon berkenaan akan digunakan di kawasan-kawasan lencongan jalan serta semasa penutupan laluan.

"Ia sesuai untuk membantu tugas-tugas penguatkuasaan terutama pihak DBKL yang perlu berhadapan dengan jumlah pengguna yang banyak," katanya kepada *Wilayahku*.

Menurut Suhaim, kon berlampu yang diciptakannya juga mempunyai ketahanan bateri yang lama serta tidak mengalami sebarang perubahan suhu walaupun dipasang lebih daripada lapan jam.

Tambahnya, lampu yang dipasang pada kon tersebut juga terang dan sentiasa berkelip bagi menarik perhatian pengguna jalan raya.

Mengulas tentang kemenangan tersebut, Suhaim memberitahu, dia dan rakan-rakan setugasnya sangat gembira selepas diumumkan memenangi pingat emas berkenaan berikutan pelbagai usaha dilakukan bagi menjayakan alatan penguatkuasaan tersebut.

Litar pendidikan dibina tingkat kesedaran keselamatan jalan raya

PUTRAJAYA – Sebuah litar bagi tujuan pendidikan dirancang dibina di sini sebagai usaha meningkatkan kesedaran orang ramai terutama golongan muda terhadap kepentingan keselamatan jalan raya.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, pihaknya telah menghantar permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk membina litar tersebut.

"Litar itu bukan dibina untuk perlumbaan sebaliknya bagi pendidikan dalam memastikan pengguna jalan raya khususnya penduduk di Putrajaya dapat mematuhi undang-undang lalu lintas.



AMINUDDIN (tiga dari kanan) menyempurnakan pelancaran Persatuan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya di Marina Putrajaya baru-baru ini.

880 kemalangan, 1 maut di Putrajaya

Punca kemalangan disebabkan kecuai, gagal kawal kenderaan. Putrajaya – Statistik kemalangan jalan raya di Putrajaya menunjukkan 880 kemalangan berlaku sepanjang tahun 2018, dengan satu kematian. Statistik ini dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

KERATAN Wilayahku 19-25 Julai 2019.

"Kelulusan permohonan untuk pembinaan litar di Taman Wawasan, Presint 11

yang menelan kos RM3 juta itu dijangka diketahui pada Oktober ini dan tempoh pembinaannya bakal mengambil masa kira-kira 12 bulan," katanya pada majlis pelancaran Persatuan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Komuniti Putra-

jaya di Marina Putrajaya baru-baru ini.

Aminuddin berkata, jumlah pelanggaran peraturan lalu lintas di bandar ini berada pada tahap yang membimbangkan.

"Perbuatan langgar lampu isyarat, menunggang motosikal di lorong pejalan kaki, melintas jalan di kawasan bukan lintasan, meletakkan kenderaan di tempat yang berbahaya merupakan antara kesalahan yang paling banyak berlaku di Putrajaya.

"Mengikut statistik dari tahun 2015 hingga 2018, sebanyak 6,543 kes kemalangan dengan 36 kematian direkodkan di Putrajaya manakala sehingga Jun lalu, sebanyak 880 kemalangan berlaku dengan satu kes kematian," katanya.



CARA MUDAH BAYAR ZAKAT

Layari: **pzb.com.my**



Boleh diselaraskan dengan PCB

atau



isi **Borang PPZ 052** di Kaunter PPZ-MAIWP

- **Cepat**
- **Mudah**
- **Perbelanjaan Terurus**



Skim Kafalah Muzakki
Skim Khairat Kematian
 Pembayar Zakat PPZ-MAIWP

Waris layak menerima **RM3,000** daripada PPZ-MAIWP sekiranya berlaku kematian kepada pembayar dengan syarat:

- Membayar zakat di PPZ-MAIWP pada tahun 2019 dan tahun-tahun seterusnya.
- Minimum bayar zakat sebanyak RM50 setahun.